

25 FEB 1999

SABAH: BN NEGERI CAPAI PERSETUJUAN MENGENAI SENARAI CALON

KOTA KINABALU, 25 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini berkata Barisan Nasional (BN) Sabah telah mencapai persetujuan mengenai senarai calon bagi pilihan raya negeri pada 12 dan 13 Mac ini.

Senarai itu hanya akan diumumkan sehari sebelum hari penamaan calon iaitu pada 2 Mac, kata beliau kepada pemberita di sini sekembalinya dari Kuala Lumpur.

Ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati mengenai pengagihan kerusi di kalangan parti-parti komponen BN, Dompok yang juga Pengerusi BN Sabah berkata: "semuanya gembira."

Ketujuh-tujuh parti komponen BN negeri ialah Umno, Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Maju Sabah (SAPP), Akar, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan MCA.

Dua lagi parti komponen -- MIC dan Gerakan -- tidak bertanding pada pilihan raya negeri kali ini.

Pemimpin ketujuh-tujuh parti komponen BN negeri itu menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir di Kuala Lumpur bagi menyelesaikan perkara berhubung dengan pengagihan kerusi.

Mengenai manifesto BN bagi pilihan raya itu, Dompok berkata ia akan diumumkan kemudian.

-- BERNAMA

JS FAZ